



**TERMA LANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)
SECARA SEMENTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.	Jawatan	Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)
	Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> a. Taraf kewarganegaraan GRA tertakluk kepada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT mengikut tahun/ fasa geran tersebut diluluskan. b. Calon telah mendaftar sebagai pelajar UPSI atau lain-lain Universiti Awam dalam Mod Penyelidikan (Mod A) bagi program Sarjana atau Kedoktoran (PhD) secara sepenuh masa.
2.	Taraf Lantikan	Secara kontrak (GRA yang telah dilantik, tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh masa yang sama)
3.	Elaun	<ul style="list-style-type: none"> a. Kadar elauan GRA tertakluk kepada kelulusan geran penyelidikan (VOT 11000). c. Kadar elauan GRA adalah berbeza bagi setiap geran KPT tertakluk kepada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT mengikut tahun/ fasa geran tersebut diluluskan.
4.	Mod Pengajian	Mod Penyelidikan bagi Pengajian sepenuh masa.
5.	Tempoh Lantikan	Tempoh lantikan GRA perlu dalam tempoh projek aktif (minimum adalah dua belas (12) bulan untuk pelajar Sarjana/ Ph.D) dan hendaklah bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan).
6.	Yuran	<ul style="list-style-type: none"> a. Dikecualikan daripada pembayaran yuran pelajaran sahaja bagi semester di mana lantikan ini berkuat kuasa. b. Sekiranya GRA telah mendapat pembiayaan dari mananya pihak maka yuran pelajaran tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti
7.	Kemudahan	GRA hanya dibenarkan menerima kemudahan perubatan di Pusat Kesihatan Pelajar UPSI.
9.	Tatatertib dan Kelakuan	GRA tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Akta dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan kepada kaedah-kaedah tatatertib dan apa-apa peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti ini.
10.	Penamatan Perkhidmatan	Surat penamatan/ perletakan jawatan hendaklah diserahkan kepada Unit Tadbir Urus dan Kewangan, PPPI sebulan sebelum tarikh tamat perkhidmatan melalui Ketua Penyelidik dan Fakulti.
11.	Tuntutan Elaun dan Bayaran	GRA layak menuntut bayaran elauan-elauan perjalanan rasmi (termasuk elauan makan, elauan harian dan elauan lojing) bagi urusan berkaitan dengan penyelidikan mengikut kadar yang berkuat kuasa di Universiti.

12.	Menarik Balik Tawaran dan Menamatkan Perkhidmatan Jika Maklumat Yang Diberi Didapati Tidak Benar	Pihak berkuasa melantik berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan perkhidmatan saudara/i tanpa memberi notis terlebih dahulu, sekiranya didapati bahawa maklumat yang tidak benar telah diberi dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan berkaitan dengan pelantikan saudara/i ke dalam perkhidmatan yang ditawarkan ini.
13.	Kemudahan Menghadiri Seminar/Konferensi/Kursus	GRA boleh mengikuti mana-mana seminar/konferensi/kursus yang berkaitan dengan projek penyelidikan tertakluk kepada kelulusan ketua penyelidik.
14.	Hubungan	GRA hendaklah bukan dalam kalangan keluarga/ saudara terdekat Ketua Penyelidik/ Penyelidik bersama.

*Geran-geran penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah tertakluk kepada Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) dan Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan KPT mengikut tahun/ fasa geran tersebut diluluskan.